

CNS6292

U CB 30-08 00156 BA167

aab

Mahathir - Kerjasama

KUALA LUMPUR, 30 Ogos (Bernama) -- Cadangan kerjasama melibatkan empat negeri di utara Semenanjung, wilayah di Selatan Thailand serta utara Sumatera bertujuan menvelaraskan pembangunan terutama dalam bidang ekonomi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Penvelarasan itu akan membolehkan kawasan dan wilayah berkenaan dibangunkan dengan lebih pesat, kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas melancarkan Setem Pos Kenang-kenangan Bekas Perdana Menteri Malavsia di Pusat Islam.

Katanya, perbincangan sedang diialankan dengan dua negara jiran itu untuk mengkaji cara kerjasama pembangunan itu serta bila ia dapat dimulakan.

Beliau berkata demikian ketika diminta menghuraikan skop kerjasama itu setelah mengumumkan semalam perlantikan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sebagai wakil kerajaan, dengan bertaraf menteri, dalam badan kerjasama itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerajaan mengadakan kerjasama itu memandangkan sudah ada bentuk kerjasama di selatan Semenanjung melibatkan Johor, Singapura dan Batam di Indonesia. -- Lagi

♥30/08/15-32MST

U CB 30-08 00146 BA171

aab

Mahathir - Kerjasama 2 Kuala Lumpur (Ulangan membetulkan tarikh pada para akhir) '''

Negeri-negeri yang terbabit ialah Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak.

Kepada satu soalan, Datuk Seri Dr Mahathir berkata kerjasama itu bukan bertujuan mengadakan satu zon perdagangan bebas tetapi hanyalah untuk menyelaraskan pembangunan di kawasan berkenaan.

Mengenai lawatannya ke Mexico, Perdana Menteri berkata ia merupakan sambungan kepada lawatannya ke negara-negara Amerika Latin baru-baru ini.

Katanya, Presiden Mexico, Carlos Salinas de Cortari telah mengutuskan jemputan itu kepadanya ke arah membolehkan kedua-dua negara mengkaji kemungkinan meningkatkan kerjasama, terutama dalam bidang perdagangan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata lawatan itu akan memberi peluang kepadanya untuk mengetahui lebih mendalam mengenai konsep Kawasan Perdagangan Bebas Amerika Utara (NAFTA).

Perdana Menteri kemudiannya dijadual menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu di New York pada 24 Sept. -- Bernama

♥30/08/16-05MST